

# **Jalan Perhambaan**

*Terjemahan atas The Road to Serfdom*

**F.A Hayek**

Penterjemah  
Al-Mustaqeem Mahmood Radhi

## Jalan Perhambaan

*Terjemahan atas The Road to Serfdom*  
F.A. Hayek

Penterjemah  
Al-Mustaqeem Mahmood radhi

*diterbitkan oleh*  
Institut Kajian Dasar (IKD)  
1-35, Jalan Orkid 1F,  
Seksyen BS 1, Bukit Sentosa,  
48300 Rawang, Selangor,  
Malaysia.  
(ikdbudaya@gmail.com)

*Cetakan Pertama, 2013*

*Perpustakaan Negara Malaysia*  
*Data Mengkatalog-dalam-Penerbitan*  
*1. Utopia 2. Demokrasi 3. Ekonomi*  
*I. F.A. Hayek II. Judul: Jalan Perhambaan*

© Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan  
mengeluar-ulang mana-mana bahagian artikel  
dan isi kandungan buku ini dalam apa jua  
bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara  
elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara  
lain sebelum mendapat izin bertulis daripada  
Institut Kajian Dasar.

ISBN 978 983 884 099 6

font Garamond

*dicetak di*  
Mj Production  
No. 23 Jln. PBS 14/13,  
Taman Perindustrian Bukit Serdang,  
43300 Seri Kembangan, Selangor.

## Daftar isi

Prakata	6
Pengenalan	9
<b>Bab Satu</b>	19
<i>Jalan yang telah ditinggalkan</i>	
<b>Bab Dua</b>	31
<i>Utopia Agung</i>	
<b>Bab Tiga</b>	42
<i>Individualisme dan Kolektivisme</i>	
<b>Bab Empat</b>	54
<i>Perancangan “tidak terhindarkan”</i>	
<b>Bab Lima</b>	68
<i>Perancangan dan demokrasi</i>	
<b>Bab Enam</b>	86
<i>Perancangan dan Kedaulatan Undang-undang</i>	
<b>Bab Tujuh</b>	104
<i>Kawalan Ekonomi dan Totalitarianisme</i>	
<b>Bab Lapan</b>	118
<i>Siapa, ke atas siapa?</i>	
<b>Bab Sembilan</b>	137
<i>Jaminan Ekonomi dan Kebebasan</i>	

<b>Bab Sepuluh</b>	153
<i>Mengapa yang jabat dapat naik</i>	
<b>Bab Sebelas</b>	173
<i>Berakhirnya Kebenaran</i>	
<b>Bab Dua Belas</b>	187
<i>Akar Sosialisme Bagi Nazisme</i>	
<b>Bab Tiga Belas</b>	202
<i>Totalitarian Di Sekitar Kita</i>	
<b>Bab Empat Belas</b>	224
<i>Antara Realiti Dan Ideal</i>	
<b>Bab Lima Belas</b>	239
<i>Masa Depan Tatanan Dunia</i>	
Rumusan	259

*“Buku ini telah menjadi sebuah karya klasik tulen: bacaan wajib untuk setiap orang yang benar-benar berminat dengan politik dalam pengertian paling umum dan paling tidak partisan.”*

*– Milton Friedman*

*“Buku ini patut dibaca oleh semua orang. Tiada gunanya mengatakan bahawa sebahagian besar orang tidak berminat dengan politik; isu politik yang dibincangkan oleh Dr Hayek ada kena-mengena dengan setiap seorang anggota masyarakat.”*

*– The Listener*

## **Prakata**

Apabila seorang pengkaji hal-ehwal kemasyarakatan profesional menulis sebuah buku politik, kewajibannya yang pertama ialah mengakuinya. Ini sebuah buku politik. Tidak seperti yang barangkali pernah saya lakukan, kali ini saya tidak ingin berselindung dengan memberikan gelaran yang lebih anggun atau gah seperti “sebuah makalah berkenaan falsafah sosial”. Walau apa jua namanya, perkara paling asas perlu disebutkan ialah bahawa segala yang saya perkatakan dalam buku ini dirumuskan daripada nilai-nilai utama yang tertentu. Semoga saya telah melaksanakan kewajipan kedua yang tidak kurang penting menerusi buku ini: untuk menjelaskan sejernih-jernihnya apakah nilai-nilai utama ini yang menjadi sandaran bagi semua hujah yang saya kemukakan.

Bagaimanapun, ada satu perkara lain yang ingin saya tambah di sini. Walaupun buku ini sebuah buku politik, saya merasa sungguh-sungguh pasti bahawa keyakinan-keyakinan yang dikemukakan dalam buku ini tidak dipengaruhi oleh kepentingan peribadi saya. Saya tidak dapat memikirkan sebab untuk mementingkan diri sendiri, kerana jenis masyarakat yang bagus pada pandangan saya semestinya mampu memenuhi kepentingan sebahagian besar orang dan bukan hanya kepentingan saya seorang. Rakan-rakan saya yang sosialis selalu memberitahu saya bahawa sebagai seorang ahli ekonomi saya sepatutnya mendapat kedudukan yang lebih penting dalam jenis masyarakat yang saya

tentang – tapi sudah tentu saya perlu sanggup untuk menerima pandangan mereka. Saya juga merasa pasti bahawa penentangan saya terhadap pandangan mereka bukanlah kerana pandangan mereka berlainan daripada pandangan-pandangan yang telah terbiasa pada saya, memandangkan sewaktu muda pandangan-pandangan mereka itu turut saya anuti dan telah mendorong saya untuk memilih kerjaya dalam bidang ekonomi. Bagi mereka yang, seperti kebanyakan orang lain sekarang, percaya bahawa setiap orang mengemukakan pandangan politik tertentu untuk memenuhi kepentingan peribadi, barangkali saya boleh diizinkan untuk menambah bahawa saya mempunyai sebab yang cukup banyak untuk tidak menulis atau menerbitkan buku ini. Ada banyak orang yang ingin saya jaga hubungan mesra dengan mereka, tetapi buku ini pasti akan menyinggung mereka; buku ini juga telah membuatkan saya terpaksa mengeneipkan kerjaya yang saya rasakan lebih sesuai dengan kelayakan saya dan lebih penting bagi saya dalam jangka masa panjang; dan, paling penting, buku ini pasti akan menjejaskan penerimaan terhadap karya-karya saya yang lebih ilmiah nanti, sedangkan semua kecenderungan saya lebih kepada kegiatan ilmiah.

Begitu pun, saya menganggap tugas menulis buku ini sebagai satu kewajipan yang semestinya tidak saya hindari, terutama kerana satu ciri aneh dan serius yang terlihat pada perbincangan-perbincangan yang sedang berlangsung kini tentang masalah dasar ekonomi masa depan, dan hal ini tidak begitu disedari oleh orang ramai. Ciri yang saya maksudkan itu ialah hakikat bahawa majoriti ahli ekonomi sejak beberapa tahun kebelakangan telah diserap oleh jentera perang, dibisukan oleh jawatan rasmi mereka, sehingga akibatnya pandangan orang tentang permasalahan ekonomi telah dipengaruhi oleh ahli-ahli ekonomi amaturnya dan pentaksu, serta oleh kalangan yang mempunyai kepentingan peribadi atau penawar seribu satu penyakit yang ingin dijualnya. Dalam keadaan ini, seseorang yang mempunyai waktu untuk menghasilkan karya persuratan boleh dikatakan tidak berhak untuk tidak menyuarakan kegusarannya. Jika tidak

kerana keadaan yang mendesak, saya berbesar hati untuk membiarkan persoalan dasar negara ditangani oleh kalangan yang lebih berwibawa dan berkelayakan untuk memperkatakannya.

Hujah teras bagi buku ini pada pertama kalinya telah digariskan dalam sebuah rencana berjudul “Freedom and the Economic System” yang terbit dalam *Contemporary Review*, keluaran April 1938, dan kemudian dikembangkan dan diterbitkan semula dalam *Public Policy Pamphlets*, yang disusun oleh Profesor H. D. Gideonse dan diterbitkan oleh University of Chicago Press (1939). Saya perlu berterima kasih kepada para penyunting dan penerbit kedua-dua rencana tersebut kerana mengizinkan saya untuk menerbitkan semula sebahagian kandungan rencana-rencana berkenaan.

London School of Economics,  
Cambridge, Disember, 1943.